

## MAHATHIR-PERSIDANGAN

1979

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PUSAT TIMBANGTARA SERANTAU YANG DITUBUHKAN DI SINI TAHUN LALU MEMPUNYAI PERANAN PENTING MEWUJUDKAN KESTABILAN DAN KEHARMONIAN DALAM PERDAGANGAN ANTARABANGSA DI ASIA DAN KAWASAN PASIFIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MENGGEMBIRAKAN KERANA PUSAT ITU KINI MENYELARAS DAN MEMBANTU BERBAGAI KEGIATAN INSITUSI-INSITUSI TIMBANGTARA DI RANTAU INI.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERTAMA MENGENAI TIMBANGTARA PERDAGANGAN BAGI ASIA-AFRIKA DAN KAWASAN PASIFIK DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN DI SINI.

TAMBAHNYA, DI SAMPING MENGGALAKKAN TIMBANGTARA ANTARABANGSA SEBAGAI SUMBER MENYELESAIKAN URUSAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA, PUSAT ITU JUGA DARI MASA KE SEMASA MEMBERIKAN BANTUAN TENTANG TIMBANGTARA YTERUTAMA YANG DIBUAT DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA MENGENAI UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ANTARABANGSA BANGSA-BANGSA BERSATU (UNCITRAL). -- BERSMENG 1805/1B  
MAHATHIR-PERSIDANGAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERSIDANGAN LIMA HARI ITU MERUPAKAN TITIK SEJARAH BAGI PUSAT ITU KERANA TELAH TIBA MASANYA BAGI PUSAT ITU MELAKSANAKAN SISTEM PERTIKAIAN BAGI RANTAU INI.

KATANYA WALAUPUN MALAYSIA BUKANNYA AHLI KONVENSYEN MENGENAI PELAKSANAAN KEPUTUSAN TIMBANGTARA BANGSA-BANGSA BERSATU (1958), BELIAU AKAN MENGESYORKAN KEPADA KERAJAAN NEGARA INI MENJADI AHLI SECEPAT MUNGKIN.

BERCAKAP LEBIH PANJANG TENTANG PUSAT ITU, BELIAU BERKATA KERAJAAN MALAYSIA AKAN TERUS MEMBERIKAN SOKONGAN SUPAYA PUSAT ITU DAPAT MENJALANKAN SEMUA PROJEKNYA DENGAN JAYA.

+SAYA JUGA INGIN MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENG-HORMATI PERANAN BEBAS PUSAT ITU SEBAGAI INSTITUSI MENKKAJI UNDANG-UNDANG KEBANGSAAN YANG ADA HUBUNGANNYA, DENGAN TIMBANGTARA PERDAGANGAN BAGI MEMPASTIKAN PERUNTUKAN BAGINYA TIDAK MENJEJAS KEBEBASAN PUSAT ITU KETIKA MENYELESAIKAN BAGINYA TIDAK MENJEJAS KEBEBASAN PUSAT ITU KETIKA MENYELESAIKAN PERTIKAIAN,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- BERSAMBUNG 1810/1B

££

B617

## MAHATHIR-PERDAGANGAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA DASAR MALAYSIA IALAH MENGALIH-NGALUKAN PELABURAN ASING DAN DASAR ITU AKAN DITERUSKAN.

INI ALAM KERANA PENGIKTIRAFAN KERAJAAN TERHADAP SUMBANGAN YANG DAPAT DIBERIKAN OLEH PELABUR ASING KE ARAH MENYEDIAKAN PASARAN, KESEKUTUAN PENGURUSAN, KEMUDAHAN LATIHAN, PELUANG PEKERJAAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI KE NEGARA INI.

MENURUTNYA BELIAU TELAH MENGETAUI BEBERAPA MISI PELABURAN KE ASIA, EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT UNTUK MEYAKINKAN PARA PEMODAL BAHAWA IKLIM UNTUK MELABUR DI MALAYSIA ADALAH BAIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH ADALAH PENTING BAGI NEGARA-NEGARA DI ASIA DAN KAWASAN PASIFIK BEKERJASAMA SEPENUHNYA UNTUK MEMPASTIKAN KEJAYAAN PUSAT ITU.

PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN WAKIL-WAKIL DEWAN PERNIAGAAN DARI ASIA, AFRIKA DAN KAWASAN PASIFIK MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU, YANG PERTAMA KALI DIADAKAN DI RANTAU INI.

JUGA MENYERTAINYA IALAH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DARI BANK DUNIA, TABUNG EKONOMI ARAB DAN BADAN-BADAN BANGSA-BANGSA BERSATU. —

181

## MAHATHIR-PERSAINGAN 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, SETIAUSAHA AGUNG JAWATANKUASA PERUNDINGAN UNDANG-UNDANG ASIA-AFRIKA (AALCC), DR. B. SEN, BERKATA MINAT YANG BESAR TELAH DITUNJUKKAN DALAM MASA BEBERAPA BULAN PALU DALAM SKIP PENYELESAIAN PERTIKAIAN YANG DIUSAHAKAN OLEH AALCC DENGAN PUSAT SERANTAU DI KUALA LUMPUR.

KATA NYA SATU PERJANJIAN TELAH DITANDATANGANI BARU-BARU INI BAGI MENUBUHKAN SEBUAH LAGI PUSAT SERANTAU DI KAHERAH DAN RUNDINGAN-RUNDINGAN SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENBUHKAN YANG KETIGA DI SEBUAH NEGARA AFRIKA.

TAMBAHNYA SISTEM BANK DUNIA BERTHUBUNG DENGAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN TELAH BANYAK MENOLONG DALAM USAHA MEJUJUDKAN KESTABILAN DAN KEPERCAYAAN DI BIDANG PELABURAN ASING. — BERNAMA 18 18